



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM 2025

Kuching, 14 September 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mengadakan Majlis Perasmian Penutup Program Bermalam di Muzium di Borneo Culture Museum, Kuching, Sarawak. Program anjuran bersama Jabatan Muzium Sarawak ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak.

Bermalam di Muzium merupakan antara inisiatif utama di bawah Program Citra Nusa@Muzium yang disokong penuh oleh Kementerian Perpaduan Negara berteraskan warisan sejarah dan seni budaya telah berlangsung dari **13 hingga 14 September 2025** dan dilaksanakan secara serentak melibatkan 31 buah muzium yang terdiri daripada **Muzium Persekutuan, Muzium Negeri serta Muzium Institusi** dengan penyertaan seramai **2,240 orang pelajar**.

YB Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata “Pada tahun ini, muzium-muzium di seluruh negara sekali lagi melaksanakan program Bermalam di Muzium dengan mengetengahkan tema “**Kurator Muda**”. Tema ini dipilih bagi memperkenalkan serta mengangkat peranan penting seorang kurator dalam memelihara warisan sejarah, budaya, dan alam semula jadi negara.

Aktiviti **Kurator Muda** melibatkan pencarian koleksi muzium yang dijalankan dalam bentuk eksplorasi berkaitan artifak bersejarah yang terdapat di muzium. Aktiviti ini bertujuan untuk mendidik peserta agar lebih mengenali dan menghargai nilai sejarah serta warisan negara melalui penemuan dan pengenalan terhadap artifak-artifak penting.

Program yang berlangsung selama dua hari ini bukan sahaja sebagai platform pendidikan, tetapi juga sebagai wadah pengukuhan jati diri dan penerapan semangat patriotisme rakyat Malaysia khususnya dalam kalangan generasi muda dan ianya juga merupakan kesinambungan usaha Jabatan Muzium Malaysia dalam memperkasa peranan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal yang bersifat dinamik, interaktif dan inklusif.

Kementerian Perpaduan Negara

14 September 2025

KPN. 100-9/1/16 (78)